

03 AUG 1996
Samy-jawatan
MIC MAHU SATU LAGI JAWATAN MENTERI KABINET

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- MIC bersedia untuk menukar satu jawatan timbalan menteri dan dua setiausaha parlimen yang diperuntukkan kepada parti itu dengan satu lagi jawatan menteri kabinet, kata presiden parti Datuk Seri S.Samy Vellu hari ini.

Samy Velu, yang juga Menteri Kerja Raya, wakil tunggal MIC dalam jemaah menteri, berkata parti itu tidak berpuas hati dengan komposisi Kabinet sekarang.

"Saya telah mengemukakan cadangan itu tetapi masih belum mendapat jawapan positif," kata beliau pada persidangan akhbar selepas majlis perasmian perhimpunan agung MIC ke-43 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Persidangan dua hari itu dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Samy Vellu berkata Perdana Menteri berhak untuk membuat perlantikan jawatan Menteri Kabinet.

Sebelum itu, Dr Mahathir dalam ucapannya berkata sungguhpun hanya terdapat seorang menteri daripada masyarakat India di Kabinet, sumbangannya adalah besar dan tidak hanya terhad kepada kementerian beliau sahaja.

MIC kini mempunyai seorang Menteri Kabinet (Samy Vellu), dua timbalan menteri (Datuk S.Subramaniam Kementerian Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Datuk K.Kumaran Pembangunan Luar Bandar) dan dua setiausaha parlimen (Datuk M.Mahalingam Kementerian Kesihatan dan Datuk G.Palanivel Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat).

Mengenai permohonan Barisan Progresif India (IPF) untuk menyertai Barisan Nasional (BN), Samy Vellu berkata MIC akan menentang sebarang percubaan oleh mana-mana parti politik lain yang mewakili masyarakat itu untuk menyertai BN.

Beliau berkata hanya MIC mampu untuk "memperjuangkan kepentingan masyarakat India di negara ini dan telah membuktikannya sejak 50 tahun lepas".

"Kaum India hanya merangkumi 10 peratus daripada penduduk negara ini. Hanya satu parti sahaja yang boleh mewakili masyarakat India," kata beliau.

Beliau berkata presiden IPF M.G.Pandhithan tidak berminat untuk menyertai MIC tetapi sebaliknya mahu supaya MIC menyokong kemasukan parti itu ke dalam BN.

Samy Vellu juga berkata MIC telah menubuhkan 80 cawangan bagi menampung bekas anggota IPF dan 48 cawangan lagi akan dibuka tidak lama lagi.

Beliau berkata parti itu akan menubuhkan 895 cawangan lagi menjelang 31 Ogos ini, menjadikan jumlah keseluruhan cawangannya kepada 3,395.

Presiden MIC itu juga berkata beliau bersetuju dengan pendapat Dr Mahathir bahawa masyarakat India telah mendapat banyak faedah daripada kemajuan ekonomi negara.

Bagaimanapun, beliau berkata sebahagian besar daripada bahagian ekonomi yang dipegang oleh masyarakat India di kuasai oleh hanya segolongan kecil individu daripada masyarakat itu.

"Perkara utama yang kami bimbangkan ialah sebahagian besar daripada masyarakat India ketinggalan dari segi ekonomi. Mereka memerlukan satu program khusus seperti skim peruntukan saham," kata beliau lagi.

-- BERNAMA.

RV MZ AHH